

ANALISA KEPERLUAN LATIHAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA DI SELANGOR

Affezah Ali¹, Hamdan Mohd Salleh², Angela Chan Nguk Fong³, Zukhuriatul H Mhd Yusof⁴

Universiti Selangor (Unisel)

1.0 PENGENALAN

Peranan guru adalah amat penting dalam mendidik generasi para pelajar untuk membentuk generasi yang berpengetahuan terutamanya pengetahuan dalam agama Islam. Mereka bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar malah bertanggungjawab untuk meningkatkan penguasaan dan penghayatan ilmu pelajar. Guru harus mendorong sikap dan tingkah laku pelajar ke arah kebaikan melalui pendekatan yang berhikmah. Penyediaan guru yang berkualiti amat penting bagi menjayakan matlamat pendidikan negara terutamanya pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan keperluan latihan guru pendidikan Islam agar mereka dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi untuk mendidik pelajar menjadi muslim yang bertaqwa. Sejak penubuhan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) dan juga Sekolah Agama Integrasi (SRI) di negeri Selangor, terdapat banyak latihan untuk para guru yang telah dijalankan oleh badan-badan berwajib di negeri Selangor. Namun, persoalan seringkali ditimbulkan tentang sejauh manakah keberkesanan latihan yang dijalankan kepada para guru tersebut? Umumnya, untuk menguruskan latihan yang efektif ia memerlukan perancangan yang sistematik. Tidak dapat dinafikan, latihan merupakan aktiviti yang sangat signifikan kepada para guru dalam sesebuah organisasi pendidikan untuk menangani perubahan dan tuntutan semasa yang wujud pada masa kini. Pelbagai faktor seperti gelombang globalisasi, perubahan budaya organisasi, perkembangan generasi masa kini, perubahan mendadak teknologi dan faktor-faktor penyumbang lain yang boleh memberi impak kepada sesebuah organisasi untuk memberi perhatian serius perlunya latihan bersesuaian dan berterusan diberikan kepada para guru.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penubuhan KAFA bermula sekitar tahun 60-an di Malaysia diteruskan di setiap negeri sehingga kini dengan termasuklah negeri Selangor yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Senario ini menunjukkan bilangan sekolah rendah agama di Selangor kini semakin meningkat dari hari ke hari. Laporan dari Sinar Harian bertarikh 1 Jun 2016 menunjukkan bahawa terdapat 565 buah sekolah dengan 9,465 orang guru di bawah kelolaan JAIS dengan jumlah murid seramai 250,563.

Selari dengan peningkatan bilangan sekolah KAFA di bawah JAIS, terdapat juga organisasi-organisasi persendirian dan swasta yang menawarkan pendidikan islam untuk sekolah rendah di Selangor. Sekolah- sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Integrasi (SRI). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Sekriteriat Pelan Induk Pendidikan Islam Negeri Selangor, terdapat 267 buah SRA dan SRI

di Selangor dengan jumlah gurunya sekitar 4005 orang dengan purata 10-40 orang guru untuk setiap sekolah. Secara operasi, terdapat beberapa berbezaan yang boleh dilihat di antara KAFA dan SRI. KAFA beroperasi hanya 4 jam sehari; sesi pagi untuk pelajar yang bersekolah kebangsaan pada sesi petang dan KAFA sesi petang dikhususkan untuk pelajar yang bersekolah kebangsaan pada sesi pagi. Lokasi KAFA kebanyakannya berada di dalam kawasan surau atau masjid di sesebuah kawasan. Mata pelajaran yang diajar di dalam KAFA menjurus kepada ilmu Agama Islam seperti Tauhid, Fekah, Akhlak, Sirah, Tajwid, Jawi dan Bahasa Arab. Manakala SRI pula, beroperasi sepanjang hari dari pukul 8 pagi ke 5 petang. Pelajar-pelajar di SRI bukan sahaja mempelajari mata pelajaran Agama Islam seperti di KAFA, tetapi mereka juga mempunyai mata pelajaran akademik seperti di Sekolah Kebangsaan. Mereka juga diajar menggunakan silibus seperti aliran perdana di Sekolah Kebangsaan di Malaysia dan layak mengambil peperiksaan utama seperti Ujian Penilaian Sekolah Sendah (UPSR). SRI diuruskan sepenuhnya oleh pemilik perseorangan dan kos operasinya bergantung sepenuhnya kepada bayaran yuran para pelajar. Walau bagaimanapun, untuk memastikan operasi SRI selari dengan aliran utama pendidikan Agama Islam di Selangor, pihak JAIS sentiasa membuat pemantauan dari segi silibus pembelajaran dan juga latihan-latihan yang diperlukan oleh guru-guru di SRI. Pelbagai sokongan telah diberikan kepada KAFA dan SRI, antaranya menurut laporan Sinar Harian bertarikh 1 Jun 2016, JAIS diperuntukkan oleh kerajaan negeri sejumlah RM20 juta sebagai kenaikan elaun kepada 6,900 guru-guru KAFA. Jumlah guru ini belum termasuk guru-guru sekolah agama rendah persendirian dan swasta. Ini menunjukkan bahawa peningkatan bilangan sekolah rendah agama di Selangor semakin menggalakkan dan mendapat sokongan penuh kerajaan negeri Selangor. Oleh itu, satu gerak kerja yang sistematik perlu dilakukan dimulai dengan mengenalpasti tahap pengetahuan, kemahiran dan nilai yang sedia ada pada setiap guru dan seterusnya mengenalpasti pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk menjadi guru yang cemerlang. Proses ini dikenali sebagai Analisis Keperluan Latihan (AKL). AKL memainkan peranan untuk merapatkan jurang di antara prestasi sebenar dan prestasi yang diharapkan dari seorang guru seterusnya menjadi asas merekabentuk program latihan yang sesuai bagi meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan nilai yang menepati misi dan visi pendidikan Agama Islam di negeri Selangor.

3.0 PENYATAAN MASALAH

Kebanyakan guru-guru yang berkhidmat di KAFA dan SRI adalah terdiri dari kalangan guru-guru tidak mempunyai latarbelakang pendidikan secara ikhtisas seperti Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan. Disamping itu terdapat sebahagian besar guru-guru yang berkhidmat KAFA dilantik ke jawatan guru secara kontrak atau sementara sahaja kerana mereka tidak memiliki Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan yang menjadi prasyarat utama untuk di lantik ke jawatan tetap dan berpencen dalam profesion perguruan. Kekurangan guru terlatih dalam bidang pendidikan mengakibatkan kemampuan dan kecekapan mereka dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab tugas-tugas perguruan terbatas di mana boleh menghasilkan prestasi kerja yang kurang memuaskan. Tinjauan awal yang dilakukan oleh agensi perunding Intellitech Solution (2016) mendapati sebahagian besar guru-guru KAFA dan SRI ini tidak mempunyai latihan ikhtisas yang formal. Kebanyakan daripada mereka masih memerlukan latihan-latihan yang berkaitan bagi

meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Latihan-latihan ini sangat penting untuk membentuk seorang pendidik murabbi yang memainkan peranan besar dalam pembentukan pemikiran generasi muda.

Selari dengan itu, pihak JAIS juga sedang melaksanakan proses menyerapkan guru-guru KAFA ke jawatan kontrak dan ke jawatan tetap. Walau bagaimanapun proses ini sebenarnya memerlukan satu bentuk penilaian dan latihan ikhtisas yang bersistematik yang perlu dicipta dengan penuh teliti menggunakan kajian empirikal. Program penilaian keperluan latihan perlu dilakukan sebagai asas pembentukan program Sijil Perguruan Khas untuk guru-guru yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan. Ini dapat memberikan mereka peluang untuk diserapkan ke jawatan tetap dan seterusnya meningkatkan prestasi dalam P&P. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membolehkan kerajaan negeri Selangor memahami dan mengenal pasti latihan yang diperlukan. Fokus akhir kajian ini adalah untuk membolehkan semua guru KAFA dan SRI mempunyai sijil ikhtisas yang dikeluarkan dan diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 4.1 Menenalpasti latihan yang diperlukan.
- 4.2 Menenalpasti jarak antara latihan sedia ada dan latihan yang diperlukan.
- 4.3 Membentuk asas kepada perancangan latihan.

5.0 KAJIAN LITERATUR

5.1 Analisis Keperluan Latihan di Kalangan Guru-guru Sekolah Agama

Dapatan kajian literatur mendapati guru-guru agama memerlukan latihan-latihan yang spesifik dan menjurus kepada kehendak isu pembelajaran dan pengajaran semasa. Mereka memerlukan latihan yang berpaksikan praktikal dan bukan sekadar teori. Kebanyakan kajian pustaka sebelum ini rata-rata melihat kepada persoalan apakah ciri-ciri untuk menjadi guru agama yang baik. Kajian-kajian lain juga berpaksikan kepada penilaian guru-guru agama terhadap latihan yang mereka jalani. Solusi perlu dicari untuk menggabungkan dua isu besar berkenaan iaitu apakah ciri guru agama yang terbaik dan apakah latihan-latihan yang benar-benar mereka perlukan. Kerangka holistik ini akan menjadi solusi kepada melahirkan guru-guru agama yang benar-benar terlatih dan cakna kepada isu-isu persekitaran.

Muhammad Zahiri Awang Mat, et.al. (2013) telah menjalankan kajian untuk menilai tahap profesionalisme guru agama di sekolah rendah agama di Selangor. Kajian ini menggunakan sejumlah 754 guru-guru KAFA sebagai responden dari 31 buah sekolah dari Zon Tengah (Gombak) & Utara (Hulu Selangor). Metodologi yang digunakan adalah kuantitatif dengan 21 item berdasarkan domain Agama serta menggunakan kaedah persampelan *convenience sampling*. Dapatan kajian ini mendapati guru-guru KAFA perlu lebih istiqomah dan memberikan komitmen yang lebih serius dan secara konsisten dalam melakukan amalan berkaitan ibadah seperti wirid harian, membaca buku-buku agama, terlibat dalam aktiviti keagamaan, menghafal beberapa surah al-Quran, memberi nasihat

kepada pelajar di luar waktu rasmi dan menghadiri majlis ilmu agama. Selain itu, berdasarkan analisis diskriptif, terdapat 11 perkara yang memerlukan perhatian iaitu menunai solat rawatib, berpuasa sunat sebagai amalan, solat berjemaah, menghafal hadith, membaca tafsir al-Quran, melayari laman-laman web agama, aktif dalam badan dakwah, menyampai ceramah agama, terlibat dalam penulisan Islam, bersedia menjadi imam solat dalam masyarakat dan melaksana qiamullail. Secara keseluruhannya, kajian ini menilai apakah ciri-ciri yang perlu ada serta apakah perkara yang perlu ditumpukan dalam melahirkan guru agama yang di tahap murabbi. Namun, latihan-latihan yang diperlukan tidak dinyatakan secara jelas dan kaedah untuk melahirkan murabbi ini tidak diperincikan secara holistik.

Abdul Halim Tamuri et. al. (2012) juga menjalankan kajian yang bertujuan untuk menilai komponen asas latihan guru pendidikan Islam yang melibatkan 1210 guru pendidikan Islam sekolah menengah dan rendah serta 3166 pelajar. Kajian ini diadakan di sekolah-sekolah sekitar negeri Selangor, Kedah, Kelantan, Melaka, Johor dan Sarawak. Kaedah yang digunakan adalah kaedah campuran (*mixed method*) dengan melibatkan 717 temubual dan 493 pemerhatian. Terdapat empat dapatan menarik yang dibincangkan di dalam kajian ini. Fokus utamanya adalah mengenalpasti komponen-komponen asas untuk dilaksanakan terhadap guru-guru pendidikan Islam. Antara dapatan adalah:


- i) Guru-guru pendidikan Islam mengakui bahawa kaedah yang sering digunakan di dalam latihan ialah kuliah dan penerangan.
- ii) Berdasarkan amalan pengajaran, domain muaddib adalah paling dominan & diikuti *murabbi*.
- iii) Bagi kualiti domain *mursyid*, *mu'allim* dan *mudarris* perlu dipetingkatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.
- iv) Komponen Asas yang perlu ada di dalam latihan guru ialah menambah baik personaliti Guru, ilmu pengetahuan guru, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran guru dan motivasi dalam P&P.

Komponen latihan yang diperolehi di dalam kajian Abdul Halim Tamuri et. al. (2012), akan digunapakai di dalam kajian AKL ini sebagai salah satu komponen utama dalam melengkapkan senarai latihan yang diperlukan.

Di dalam kajian yang lain yang dijalankan oleh Ibrahim Mamat. (1996) untuk mengenalpasti keberkesanan kursus-kursus anjuran Unit Latihan dan Pendidikan Malaysia mendapati latihan-latihan yang dianjurkan telah memberi pengetahuan baru kepada para peserta. Selain itu, mereka merasakan pengisian praktikal perlu diutamakan berbanding teori dan kursus perlu mendedahkan kepada mereka aspek profesional masa kini. Kursus yang hanya melibatkan syarahan dan kuliah tidak lagi sesuai digunakan pada masa kini.

5.2 Konsep Analisis Keperluan Latihan

AKL adalah satu proses mengenalpasti pekerja yang memerlukan latihan serta bidang latihan yang diperlukannya. AKL dilakukan untuk mengenalpasti kewujudan jurang prestasi pekerja. Jurang prestasi ialah perbezaan yang wujud antara tahap prestasi kerja semasa yang ditunjukkan pekerja dengan tahap prestasi yang ditetapkan atau dikehendaki oleh organisasi. Konsep ini digambarkan melalui Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Jurang Prestasi (Khairunnezam,2004)

Menurut (Khairunnezam,2004), jurang prestasi merupakan masalah yang dihadapi oleh seseorang pekerja dalam melaksanakan tugasnya. Dalam erti kata yang lain, seseorang pekerja menghadapi masalah prestasi kerja kerana tahap pengetahuan dan kemahirannya lebih rendah daripada standard yang sepatutnya. Untuk melaksanakan latihan, maka analisis terhadap keperluan latihan perlu dibuat. Pakar-pakar seperti O'Connor, Bronner dan Delaney (2002), Mathis dan Jackson (2003), Stone (2004), Robert (2005), Ab. Aziz (2007), Junaidah (2007), Ivancevich (2007) dan Mondy (2010) telah menegaskan bahawa proses secara sistematik dalam melaksanakan AKL semestinya melibatkan tiga bentuk analisis iaitu *Analisis Keperluan Organisasi*, *Analisis Keperluan Kerja* dan *Analisis Keperluan Pekerja*. Huraian terhadap ketiga-tiga analisis ini adalah seperti berikut:

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah campuran (*mixed method*) yang terdiri daripada kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif dijalankan dengan mengedarkan borang kaji selidik dan kualitatif menggunakan perbincangan dengan kumpulan sasaran (*focus group discussion*). Pendekatan dengan berbentuk *explanatory research* iaitu pengumpulan dari pelbagai kaedah jenis penjelasan dipilih untuk mendapatkan input yang holistik.

6.1 Kaedah Kuantitatif

Di dalam kajian kuantitatif, kaedah persampelan adalah dengan menggunakan kaedah *stratified sampling* dengan pengiraan *Raosoft sampling*. Populasi kajian kuantitatif untuk KAFA adalah seramai 6830 orang guru di seluruh Selangor dan setelah pengiraan *Raosoft* dijalankan hanya 364 sampel guru KAFA akan diambil untuk kajian ini. Manakala populasi untuk SRI adalah seramai 4005 orang guru dan hanya 351 orang akan menjadi sampel. Jadi jumlah keseluruhan sampel guru-guru KAFA dan SRI di Selangor ialah 715 orang. Pembinaan instrumen adalah berdasarkan kaedah yang diperkenalkan oleh Cohen dan Swerdlik (2012). Instrumen atau borang kaji selidik yang dihasilkan terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian A adalah mengenai maklumat diri dan latarbelakang sebagai seorang

guru, Bahagian B melibatkan penilaian kursus yang telah dihadiri, Bahagian C merupakan penilaian tahap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan guru itu sendiri, Bahagian D adalah senarai kursus dalam perkhidmatan yang dicadangkan, Bahagian E adalah soalan berbentuk terbuka untuk memberi peluang kepada anda menyatakan kursus-kursus lain yang anda perlukan tetapi tidak tersenarai di dalam senarai kursus yang dicadangkan serta komen. Instrumen ini kemudiannya dibincangkan bersama pakar-pakar yang dikenali sebagai *Subject Matter Expert (SME)* bagi tujuan kesahan kandungan (*content validation*). Daripada berbincangan yang dilakukan, penambahbaikan telah dilakukan dan kemudian kajian rintis dijalankan. Skala interpretasi yang digunakan bagi mengukur tahap keperluan latihan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Tahap keperluan Latihan

Skor Min	Interpretasi Tahap Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

6.2 Kaedah Kualitatif

Kajian ini turut menggunakan kaedah temuramah berstruktur secara berkumpulan. Kaedah ini menggunakan kaedah diskusi bersama responden secara berkumpulan atau “*focus group*”. Bagi kaedah kualitatif di dalam kajian ini, seramai 24 responden dari 2 sekolah KAFA dan 2 sekolah SRI akan terlibat. Sekolah-sekolah tersebut merupakan sekolah-sekolah bandar dan juga luar bandar. Penemuduga mengendalikan menggunakan soalan-soalan yang telah digubal.

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Analisa Kebolehpercayaan Kajian (*Reliability Analysis*)

Bagi mengenalpasti kebolehpercayaan dapatan di dalam kajian ini, analisis kebolehpercayaan Cronbach’s Alpha (α) telah dijalankan. Hasilnya nilai α untuk 52 soalan yang menggunakan Skala Likert ialah $r = 0.961$, menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

7.2 Analisa Keperluan Pekerja

Analisis ini adalah bertujuan melihat sejauh mana responden menilai tahap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka sendiri dalam bidang-bidang yang disenaraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Analisis Keperluan Pekerja

No Item	Tahap Pengetahuan/Kemahiran/kebolehan	Min	Sisihan	
			Piawai	Intepretasi
16	Tarbiah / komunikasi	3.68	0.631	ST
15	Nilai dan etika sebagai guru	3.65	0.626	ST
4	Penyediaan rancangan pengajaran	3.53	0.655	ST
10	Pembinaan soalan peperiksaan	3.50	0.672	ST
11	Kepimpinan	3.48	0.655	ST
6	Kreativiti dalam pengajaran	3.44	0.638	ST
5	Penilaian dan pentaksiran	3.38	0.625	ST
9	Penulisan modul P&P	3.38	0.660	ST
1	Bidang pengkhususan	3.35	0.630	ST
2	Kaedah pedagogi matapelajaran	3.35	0.628	ST
7	Strategi pemulihan murid-murid yang lemah dan bermasalah	3.35	0.658	ST
12	Pengurusan kewangan	3.35	0.698	ST
14	Pengurusan asas (contoh: sistem fail dan penggunaan Microsoft office)	3.34	0.761	ST
13	Pengurusan strategik	3.31	0.679	ST
8	Kejurulatihan	3.22	0.662	ST
3	Penggunaan ICT dalam P&P	3.17	0.786	ST
	Keseluruhan	3.17		ST

Berdasarkan Jadual 3 di atas, nilai skor min secara purata ialah 3.17 iaitu menunjukkan bahawa tahap pengetahuan/kemahiran/kebolehan guru-guru secara keseluruhan adalah sederhana tinggi. Nilai skor min yang tertinggi yang menunjukkan tahap tertinggi pengetahuan/kemahiran/kebolehan ialah 3.68 iaitu dalam bidang tarbiah/komunikasi. Ini diikuti dengan nilai dan etika guru (min = 3.65), penyediaan rancangan pengajaran (min = 3.53) dan pembinaan soalan peperiksaan (min = 3.50). Jika dilihat kepada data demografi responden, majoriti daripada mereka telah berkhidmat lebih dari 10 tahun. Pengalaman yang luas telah memberikan mereka pengetahuan/kemahiran/kebolehan yang tinggi dalam aspek tarbiah/komunikasi, nilai dan etika dan penyediaan rancangan pengajaran. Keadaan ini disokong oleh kenyataan responden di dalam sesi perbincangan kumpulan sasaran yang menjelaskan bahawa:

“...memang hari-hari kami ada sesi usrah dan tarbiah dengan para pelajar. Bila kita buat hari-hari dah jadi kebiasaan kepada semua guru untuk ada kemahiran

tu. Cuma mungkin komunikasi dari segi teknik kaunseling pelajar tu yang masih kami kena belajar ...”

“...apabila sudah mengajar lama saya sudah faham dan terbiasa dengan etika sebagai seorang guru. Tetapi pada saya latihan dari segi nilai dan etika ini perlu untuk guru-guru baru sebagai panduan mereka ...”

“...setakat ini saya tiada masalah nak buat rancangan pengajaran. Cuma sekiranya ada format terbaru rancangan pengajaran yang lebih berkesan saya memang nak pergi latihan tu ...”

Analisa pekerja di atas menunjukkan kebanyakan responden menilai diri mereka dengan penilaian yang baik untuk kerja-kerja yang dilakukan secara rutin dan boleh ditambahbaik selari dengan tempoh perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, mereka masih terbuka untuk menerima latihan-latihan yang terkini sebagai mengemaskini pengetahuan yang sedia ada.

Manakala nilai min skor yang terendah yang menunjukkan tahap terendah pengetahuan/kemahiran/kebolehan ialah 3.17 iaitu dalam bidang penggunaan ICT dalam P&P dan kedua terendah ialah kejurulatihan (min = 3.22). Tahap pengetahuan/kemahiran/kebolehan yang terendah ini disokong oleh kenyataan responden di dalam sesi perbincangan kumpulan sasaran yang menyatakan bahawa:

“...kami tidak mahir dalam bidang ICT dalam P&P kerana tiada kemudahan ICT di sekolah kami dan juga di kebanyakan sekolah-sekolah agama yang lain. P&P dijalankan secara manual jadi jika kami belajar pun kami tidak dapat mengaplikasikan ilmu tersebut...”

“...di sekolah Kafa memang tak banyak aktiviti kokurikulum. Masa mengajar sangat singkat jadi jarang kami ada latihan-latihan kokurikulum. Kalau ada pun mungkin hanya untuk pertandingan seperti nasyid atau marhaban. Tetapi kalau sekolah memang ada aktiviti kokurikulum kemahiran kerujulatihan memang penting...”

Oleh kerana 70% daripada responden datang dari sekolah Kafa, kebanyakan daripada mereka menilai pengetahuan/kemahiran/kebolehan dalam kerujulatihan rendah berikutan keperluan yang tidak kritikal di sekolah Kafa. Secara keseluruhan, responden memberi penilaian rendah terhadap tahap pengetahuan/kemahiran/kebolehan mereka pada perkara yang bukan rutin dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

7.3 Analisa Keperluan Kerja

7.3.1 Pengetahuan Profesionalisme

Jadual 4: Analisis Keperluan Latihan dalam Pengetahuan Profesionalisme

No	Keperluan Latihan (Pengetahuan	Min	Sisihan	Intepretasi
----	--------------------------------	-----	---------	-------------

Item	Profesionalisme)		Piawai	
12	Kursus Strategi pemulihan dan masalah pembelajaran	4.41	0.621	Tinggi
11	Kursus Pedagogi kreatif dan berkesan bagi guru	4.34	0.620	Tinggi
10	Kursus Teknik dan Panduan Menjawab Soalan Peperiksaan	4.34	0.637	Tinggi
2	Kursus peningkatan dan aplikasi ilmu	4.31	0.608	Tinggi
4	Kursus Aplikasi pedagogi Terkini mengikut kecerdasan murid	4.29	0.640	Tinggi
9	Kursus Penyediaan Rancangan Pengajaran	4.28	0.641	Tinggi
1	Program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan	4.25	0.638	Tinggi
6	Aplikasi ICT dalam P&P	4.24	0.645	Tinggi
5	Perkongsian ilmu amalan terbaik pedagogi (<i>the best practices</i>) pendidikan peringkat antarabangsa	4.2	0.644	Tinggi
8	Pengurusan Panitia: Pelan Strategik	4.2	0.635	Tinggi
3	Kursus Pembelajaran Berasaskan projek (Project based learning)	4.17	0.678	Tinggi
7	Penilaian dan pembinaan item dan analisis item	4.13	0.653	Tinggi
	Keseluruhan	4.13		Tinggi

Jadual 4 menunjukkan senarai keperluan latihan dalam bidang pengetahuan profesionalisme. Dapatan di atas menunjukkan secara keseluruhan keperluan latihan dalam bidang pengetahuan adalah pada tahap yang tinggi dengan min 4.13. Keperluan latihan yang paling tinggi ialah latihan dalam strategi pemulihan dan masalah pembelajaran (min = 4.41) diikuti dengan latihan teknik dan panduan menjawab soalan peperiksaan (min = 4.34) dan pedagogi kreatif dan berkesan (min = 4.34). Bagi keperluan latihan pemulihan masalah pembelajaran diperjelaskan oleh ramai responden dalam perbincangan kumpulan sasaran dan salah satu daripadanya adalah seperti berikut:

“...dalam setiap kelas pasti ada pelajar yang bermasalah dan memerlukan bantuan khas dalam pelajaran. Kami selalu buat kelas tambahan untuk pelajar ini selepas masa sekolah dengan bagi penerangan yang lebih sikit untuk mereka. Mungkin ada cara yang lebih baik untuk bantu mereka. Sebab tu kami perlukan latihan khas untuk bantu mereka ...”

Kebanyakan mereka melihat bantuan untuk pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran adalah penting memandangkan peningkatan bilangan pelajar yang tergolong di dalam kategori itu. Selain bantuan kelas tambahan para guru juga memerlukan pengetahuan dan kemahiran tambahan bagi membantu para pelajar ini. Bagi latihan teknik menjawab soalan pula, kedua-dua jenis sekolah, KAFA dan SRI menyatakan keperluan yang tinggi terhadap latihan ini kerana perubahan bentuk soalan-

soalan peperiksaan memerlukan mereka belajar teknik menjawab yang berlainan. Salah seorang daripada guru yang terlibat di dalam FGD menyatakan bahawa:

“...latihan teknik menjawab soalan ni memang sentiasa perlu la. Sebab kadang-kadang jenis soalan diubah jadi teknik baru kita kena belajar ...”

“...saya guru baru jadi sangat memerlukan latihan ini. Saya cadangkan latihan seperti ini diwajibkan untuk semua guru-guru baru ...”

7.3.2 Kemahiran Profesionalisme

Jadual 5: Analisis Keperluan Latihan dalam Kemahiran Profesionalisme

No Item	Keperluan Latihan (Kemahiran Profesionalisme)	Min	Sisihan Piawai	Intepretasi
19	Kursus Kepimpinan Pengajaran dan Pembelajaran	4.33	0.667	Tinggi
18	Kursus Asas Pembentukan Murabbi	4.31	0.659	Tinggi
17	Kursus Teknik Pembinaan Soalan	4.29	0.632	Tinggi
13	Kursus Membimbing dan Melatih	4.28	0.662	Tinggi
14	Kursus Ukhwah dan Kerja Berpasukan	4.27	0.649	Tinggi
15	Kursus Pengurusan Kokurikulum	4.26	0.667	Tinggi
16	Kursus Kaedah Penulisan ilmiah : Modul P&P	4.25	0.664	Tinggi
20	Kursus Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan	4.25	0.662	Tinggi
21	Kursus Pemikiran Kreatif dan Kritis	4.23	0.657	Tinggi
25	Kursus Aplikasi Microsoft Office Untuk Pentadbiran	4.19	.675	Tinggi
23	Kursus Pengurusan Strategik	4.15	0.667	Tinggi
24	Kursus Penyediaan dan Pengendaian Fail	4.14	0.7	Tinggi
22	Kursus Asas Kewangan	4.03	0.74	Tinggi
	Keseluruhan	4.03		Tinggi

Jadual 5 menunjukkan analisis keperluan latihan dalam kemahiran profesionalisme. Secara keseluruhan keperluan latihan untuk meningkatkan kemahiran adalah pada tahap yang tinggi dengan min skor 4.03. Menunjukkan bahawa responden amat memerlukan latihan-latihan yang disenaraikan di atas. Latihan yang paling diperlukan adalah Latihan Kepimpinan Pengajaran dan Pembelajaran (*Instructional Leadership*) dengan min skor 4.33 diikuti oleh Latihan Asas Pembentukan Murabbi (4.31) dan Latihan Teknik Pembentukan Soalan (4.29). Kursus Kepimpinan Pengajaran dan Pembelajaran dilihat sebagai kursus yang diperlukan dalam melaksanakan kurikulum, memahami tugas dan peranan seorang pemimpin kurikulum dan instruksional di sekolah dengan mudah. 90% daripada responden yang menyandang jawatan disekolah menyatakan persetujuan yang

tinggi terhadap pelaksanaan kursus ini. Malah ketika sesi FGD dijalankan, mereka memberi pandangan seperti berikut:

“...saya tidak pernah hadir kursus ini tetapi saya rasa kursus ini sangat diperlukan kerana di dalam kursus seperti ini lah kami akan didedahkan dengan banyak corak pengurusan sekolah seperti pembinaan misi visi yang jelas, cara pemantauan murid yang berkesan dan penyeliaan kerja-kerja murid ...”

“...Ketua Guru seperti saya sangat memerlukan latihan seperti ini. Secara jujur walaupun saya telah mengajar lama, saya masih memerlukan bimbingan dalam strategi pembangunan sekolah. Saya rasa kursus seperti ini akan dapat membantu saya menyediakan pelan pembangunan sekolah yang lebih baik ...”

Selain daripada itu, Kursus Asas Murabbi juga dilihat menjadi kursus yang penting untuk setiap guru sebagai asas tahap pencapaian guru dalam proses tarbiah. Kursus Asas Murabbi yang diharapkan adalah kursus yang dapat meningkatkan sahsiah dan budaya ilmu para guru. Kursus ini dicadangkan untuk diadakan secara berfasa

7.3.3 Nilai dan Amalan Profesionalisme

Jadual 6: Analisis Keperluan Latihan dalam Nilai Profesionalisme

No Item	Keperluan Latihan (Nilai dan Amalan Profesionalisme)	Min	Sisihan Piawai	Intepretasi
36	Kursus kemahiran perundingan dan kaunseling Murid	4.32	.664	Tinggi
31	Kursus psikologi dalam pendidikan	4.29	0.696	Tinggi
27	Kursus pemantapan kerohanian guru	4.28	0.685	Tinggi
30	Kursus Peningkatan integriti dan budaya kerja cemerlang	4.27	0.682	Tinggi
34	Kursus komunikasi berkesan	4.27	0.637	Tinggi
28	Kursus pengurusan tingkah laku dalam kurikulum	4.25	0.675	Tinggi
29	Kursus pengurusan tekanan atau pengurusan krisis	4.25	0.711	Tinggi
26	Kursus membangun modal insan	4.24	0.68	Tinggi
35	Kursus pengucapan awam	4.22	0.664	Tinggi
33	Kursus Perlaksanaan Usrah Berkesan	4.19	0.678	Tinggi
32	Kursus protokol dan etiket.	4.15	0.718	Tinggi
	Keseluruhan	4.15		Tinggi

Jadual 6 menunjukkan keperluan latihan dari segi nilai dan amalan profesionalisme. Secara keseluruhan kesemua responden menyatakan keperluan yang tinggi dalam latihan-latihan yang disenaraikan di atas dengan skor min 4.24. Latihan yang paling diperlukan adalah latihan kemahiran perundingan dan kaunseling murid dengan min skor 4.32 dan latihan psikologi dalam pendidikan (min = 4.30). Ini adalah selari dengan hasil dapatan

dari perbincangan kumpulan sasaran di mana kebanyakan responden mengutarakan permintaan yang tinggi dalam bidang kaunseling murid. Antara kenyataan mereka adalah:

“...murid sekarang bukan macam murid dulu yang kita boleh kenakan hukuman. Sekarang pendekatan dengan murid lain. Kena faham mereka dari segi psikologi. Kalau boleh bagi semua guru kemahiran kaunseling asas pun bagus juga untuk membantu guru dekat dengan pelajar terutama yang bermasalah ...”

Daripada dapatan di atas, jelas menunjukkan bahawa keperluan latihan dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme masing-masing secara konsisten menunjukkan tahap keperluan yang tinggi. Jika dilihat dari segi susunan keperluan latihan sepuluh tertinggi, latihan untuk meningkatkan Strategi pemulihan dan masalah pembelajaran merupakan latihan yang amat diperlukan oleh semua responden. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan dari perbincangan kumpulan sasaran yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian analisis kualitatif di bawah. Senarai latihan yang lain boleh dirujuk di dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Susunan Senarai Keperluan Latihan Tertinggi

Bil	Latihan	Min	Facet
1	Kursus Strategi pemulihan dan masalah pembelajaran	4.41	Pengetahuan
2	Kursus Pedagogi kreatif dan berkesan bagi guru	4.34	Pengetahuan
3	Kursus Teknik dan Panduan Menjawab Soalan Peperiksaan	4.34	Pengetahuan
4	Kursus Kepimpinan Pengajaran dan Pembelajaran (<i>Instructional Leadership</i>)	4.33	Kemahiran
5	Kursus kemahiran perundingan dan kaunseling Murid	4.32	Nilai
6	Kursus peningkatan dan aplikasi ilmu	4.31	Pengetahuan
7	Kursus Asas Pembentukan Murabbi	4.31	Kemahiran
8	Kursus Aplikasi Pedagogi Terkini Mengikut Kecergasan Murid	4.29	Pengetahuan
9	Kursus Teknik Pembinaan Soalan	4.29	Kemahiran
10	Kursus psikologi dalam pendidikan	4.29	Nilai

8.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian AKL untuk guru-guru sekolah rendah agama di Selangor ini telah mencapai objektifnya. Kedua-dua kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif telah dilakukan seperti yang dirancang untuk mengenalpasti latihan-latihan yang diperlukan oleh guru-guru sekolah rendah agama di Solangor. Berdasarkan dapatan yang telah dinyatakan di atas, cadangan-cadangan penambahbaikan disenaraikan seperti di bawah:

8.1 Keperluan Latihan

- i) Di dalam analisis pekerja, majoriti daripada para guru menilai pengetahuan/kemahiran/kebolehan mereka pada tahap sederhana dan masih memerlukan banyak latihan.
- ii) Pengetahuan/kemahiran/kebolehan yang paling rendah ialah penggunaan ICT dalam P&P kerana tiada fasiliti yang dibekalkan untuk membantu proses P&P. Dicadangkan pihak Kerajaan Negeri dapat menerapkan teknologi dalam P&P selari dengan perubahan globalisasi dalam pendidikan.
- iii) Bagi menjalankan kursus-kursus di atas, satu jawatankuasa latihan guru-guru perlu ditubuhkan untuk mengenalpasti kandungan latihan secara terperinci, pemilihan pelatih yang berpengetahuan, kaedah penyampaian yang berkesan dan logistik yang sesuai.
- iv) Pelatih (*Trainer*) yang dipilih perlu dipelbagaikan berdasarkan kepakaran masing-masing. Ini kerana berdasarkan dapatan kajian, kebanyakan guru menyatakan bahawa pelatih yang sama sering kali dipilih untuk menjalankan pelbagai latihan. Variasi pelatih dapat memberikan kepelbagaian dalam penyampaian dan isi.
- v) Kaedah penyampaian perlu menggunakan pendekatan praktikal yang melibatkan guru-guru secara holistik dan bukan hanya menggunakan kaedah kuliah atau ceramah.
- vi) Latihan untuk guru-guru yang mempunyai jawatan di sekolah perlu menjurus kepada latihan teknikal supaya kerja-kerja pengurusan dapat dijalankan dengan lancar. Antara latihan-latihan yang sesuai untuk guru-guru yang berjawatan di sekolah adalah seperti Pengurusan Panitia: Pelan Strategik, Kursus menyelesaikan Masalah dan Membuat Keputusan, Kursus Asas Kewangan, Kursus Pengurusan Strategik, Kursus Penyediaan dan Pengendalian Fail, Kursus Aplikasi Microsoft Office untuk Pentadbiran.
- vii) Keperluan latihan membina strategi pemulihan dan masalah pembelajaran amat diperlukan kerana latihan seperti tidak menjadi fokus utama di dalam latihan-latihan anjuran JAIS.
- viii) Peluang latihan yang diberikan perlu sama rata di antara sekolah KAFA dan SRI kerana kedua-dua jenis sekolah ini mempunyai misi dan visi yang sama untuk menerapkan ilmu agama di kalangan pelajar-pelajar di Selangor.
- ix) Program SPIES yang pernah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri amat memberikan kesan kepada pembentukan jasmani dan rohani para guru. Dicadangkan supaya program itu dimulakan kembali dan diperluaskan untuk semua guru-guru sekolah KAFA dan SRI.
- x) Bagi guru-guru KAFA dan SRI yang tidak mempunyai sijil pendidikan dan tidak berpeluang untuk menjawat jawatan tetap, dicadangkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan platform untuk mereka mengambil sekurang-kurangnya sijil pendidikan.
- xi) Kerajaan perlu mewajibkan semua guru baru mengikuti kursus pedagogi pendidikan dan Psikologi Pendidikan kerana majoriti daripada guru-guru tidak mempunyai latar belakang pendidikan

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bin Yusuf. (2002). *Pengurusan Sumber Manusia, Konsep Isu dan Perlaksanaan*. Edisi ke-2. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Abdul Halim Tamuri et. al (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *GJAT*, Dis. 2012, Vol. 2, Isu 2, 53-63.
- Ibrahim Mamat. (1996). *Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan : Konsep Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ivancevish, J.M. (2008). *Organizational Behaviour and Management*. Edisi ke-8. McGraw Hill.
- Junaidah Hashim. (2007). *Human Resource Management - Islamic Approach*. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Mathis, R.L & Jackson J.H. (2003). *Human Resource Management*. Edisi ke-10 South-Western : Thomson.
- Muhammad Zahiri Awang Mat, et.al. (2013) “Kajian Tahap Profesionalisme Guru Agama di Sekolah Rendah Agama Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor.
- O’Connor, B. , Bronner, M. & Delaney, C. (2002). *Training for Organizations*. Singapore: South- Western Thomson Learning.
- Robert. H. C. (2005). *Developing a Training Program*. www.webpages.charter.net/hero216/class-files/. [6 Ogos 2010]
- Sarimah, A. S. (2009). Satu Kajian Teknik Pengumpulan Data Analisis Keperluan Latihan Di Kalangan Pengurus-Pengurus Sumber Manusia. Master Thesis, University Malaysia Sarawak.
- Stone, R. J. (2004). *Human Resource Management*. Edisi ke-5. John Wiley & Sons, Australia Ltd